

TARIKH	23 / 04 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	40	RUANGAN	

JPM wujud pusat sehenti banteras perdaya jemaah umrah

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Jabatan Perdana Menteri merancang mewujudkan pusat sehenti bagi memantau penyakit berjangkit dan menangani penipuan syarikat pelancongan yang menawarkan pakej umrah hingga 'menghantui' jemaah saban tahun.

Menterinya, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pusat itu juga berfungsi bagi memberi penerangan jelas berkaitan masalah yang membimbangkan jemaah umrah.

"Ia masih lagi dalam peringkat perbincangan dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memandangkan isu penyakit dan penipuan dalam kalangan jemaah umrah adalah serius dan pelaksanaan pusat sehenti itu membolehkan pemantauan dilakukan.

"Malah Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk

Pantau agensi penipu



JAMIL (empat dari kanan) bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIWP.

Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz turut bersetuju dengan cadangan ini dan bagaimana kita mahu menangani persoalan berkaitan jemaah umrah ini dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemer-

lang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Sekolah Menengah Agama MAIWP di Cheras, di sini, semalam.

Dalam majlis itu, seramai 79 kakitangan MAIWP menerima anugerah itu selaras dengan arahan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya pegawai penilai

memberikan penilaian prestasi yang objektif, adil dan diyakini.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Othman Mustapha, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP Datuk Zainal Abidin Jaffar dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Paimuzi Yahya.

"Dalam perbincangan itu juga, kami turut membincangkan mengenai perkara seperti kerisauan jemaah umrah mengenai penyakit Sindrom Pernafasan Timur Tengah-Virus Korona (MERS-CoV) yang kini sudah menyebabkan kematian

seorang jemaah di negara ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, pihak Kementerian tidak mempunyai sebarang statistik membabitkan kes penipuan jemaah umrah kerana perkara itu bukan di bawah pengurusan Tabung Haji dan diuruskan syarikat pelancongan yang menawarkan pakej umrah.

"Tidak dinafikan, setiap hari akan ada penerbangan yang membawa jemaah umrah tetapi kita tidak mempunyai sebarang angka yang boleh dikenal pasti," katanya.

Dalam perkembangan lain, pihaknya juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memantau secara dekat jemaah umrah yang pergi dan pulang dari Tanah Suci.

"Malah kita akan meminta agensi pelancongan yang menawarkan pakej umrah untuk menitikberatkan kesihatan jemaah supaya langkah awal dapat diambil sekiranya jemaah dijangkiti sebarang penyakit.

"Jemaah juga perlu lebih prihatin dengan kesihatan diri dan segera mendapatkan rawatan sewajarnya jika didapati ada tanda dijangkiti sindrom berkenaan," katanya.

"Penyakit dan penipuan dalam kalangan jemaah umrah adalah serius"
Jamil Khir Baharom